



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan
Wisma Tani, Blok Podium 4g1, Presint 4
62630 Putrajaya
Malaysia
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
Email: kp@dvs.gov.my / pro@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA

LAWATAN DATO' HAJI CHE ABDULLAH MAT NAWI, TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN II KE LADANG LEMBU DAN KAMBING DESA VISTA

Sepang – 30 Julai 2021, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Haji Che Abdullah Mat Nawi, melakukan lawatan kerja ke ladang lembu dan kambing Desa Vista, Sepang.

Ladang milik Mohd Subhi bin Mohd Musuri, 51 yang mengusaha ternakan lebih 20 tahun memiliki ternakan melebihi 300 ekor lembu dan kambing. Daripada jumlah berkenaan 40 lembu dan 40 kambing diusahakan di Desa Vista, 100 ekor lembu di Segamat, Johor. Sementara 200 ekor bebiri di Karak, Pahang.

Antara baka lembu yang ditenak adalah terdiri dari baka Brahman, kacukan Kedah Kelantan, lembu sado, lembu Charolais dan lembu kacukan Friesian Sahiwal. Beliau yang juga mengimport lembu hidup terutama untuk musim perayaan, berpengalaman luas dalam bidang penternakan lembu dan kambing. Kebanyakan lembu dan kambing yang ditenak dibekalkan untuk pasaran tempatan meliputi kegunaan untuk Aqiqah dan Qurban kepada pihak masjid, surau dan individu sekitar semenanjung Malaysia.

Beliau yang juga mengimport ternakan dari Thailand dan Australia pernah menguruskan ternakan sekitar 200 ekor terutamanya ketika musim perayaan. Memulakan usaha menternak lembu dengan modal awal RM50,000 tahun 2001, beliau memulakan ternakan dengan 10 ekor induk yang diusaha dalam ladang kelapa sawit. Kini beliau meneruskan ternakan menggunakan modal pusingan sekitar RM500,000 dan mempunyai tiga ladang ternakan yang terletak di Karak, Pahang; Segamat, Johor; dan di Desa Vista, Sepang.

Sepanjang menguruskan ternakan, beliau berkata, pelbagai cabaran dan masalah telah beliau dihadapi. Antaranya kenaikan harga lembu import, bahan mentah bagi menghasilkan makanan ternakan, kekurangan tenaga pekerja, serangan penyakit seperti penyakit kulit berbintil (LSD) dan modal yang tinggi dari segi mendapatkan mesin peralatan pertanian.

Selain itu katanya, ketiadaan kemudahan seperti *cool room* dan rumah sebelah turut memberi kesan kepada pengurusan ternakannya. Walaubagaimanapun ujar beliau, dengan adanya bantuan dan khidmat nasihat yang diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar, beberapa masalah yang dihadapi dapat di atasi. Ini termasuklah bantuan perkhidmatan suntikan vaksin dan pengambilan darah ternakan secara berjadual; tambahnya.

Dalam strategi pasaran, beliau turut membekal dan mengedar daging mentah kepada peruncit. Melalui kemudahan telefon pula, beliau membekal daging mentah kepada pengguna mengikut musim dan mingguan secara *online* dan *offline*. Sementara untuk memudahkan mereka yang ingin berkorban, beliau turut mengusahakan **Program Tabung Korban** yang mana melalui cara ini memudahkan peserta untuk membuat pembayaran secara ansuran.

Mengenai cadangan untuk membesarkan perniagaan terutamanya dalam mempelbagaikan cabang perniagaan, beliau menegaskan perancangan jangka Panjang memang ada, malahan kerja-kerja ke arah itu telah pun dikemukakan institusi kewangan seperti Agrobank. namun ianya bergantung kepada modal yang ada, ujarnya.

Disediakan oleh:
Seksyen Komunikasi Korporat
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
30 Julai 2021